

*Tarikh Dibaca: 30 September 2016*

# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“HIJRAH DALAM KEHIDUPAN MUSLIM”***

**\*\*\***

***Terbitan:***

***Unit Khutbah***

***Bahagian Pengurusan Masjid***

***JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## **SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)  
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)  
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)  
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)  
Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)  
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**





## “HIJRAH DALAM KEHIDUPAN MUSLIM”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ

وَأَوْلَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

<sup>1</sup> At-Tawbah; 20



## **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kita terhadap Allah SWT dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keberkatan dan keredhaan Allah SWT dunia dan akhirat.

Pada hari yang mulia dan penuh keberkatan ini marilah kita mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk **"HIJRAH DALAM KEHIDUPAN MUSLIM"**.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT atas kurniaan-Nya dapat kita bertemu lagi dan berada di tahun baru hijrah ini. Semoga tahun ini membawa dan mendorong kita untuk berubah menjadi insan yang lebih bertakwa. Hijrah Rasulullah SAW dari Makkah al Mukarramah ke Madinah al Munawwarah merupakan suatu peristiwa agung dan bersejarah. Ia menjadi perintis perkembangan dakwah Islamiah yang berjaya melahirkan ummah yang cemerlang di bawah naungan Daulah Islamiah (Negara Islam) Madinah. Diatas keagungan dan kebesaran peristiwa ini, maka para Sahabat Ridwanullah Alaihim sepakat menerima cadangan Saidina Umar ibnu Al Khatab RA agar peristiwa hijrah ini dijadikan permulaan kalendar Islam.

## **Hadirin Jumaat yang berbahagia.**

Saban tahun, kita umat Islam menyambut kehadiran Maal Hijrah. Tetapi yang menjadi persoalan bagi kita ialah sejauh manakah penghayatan kita terhadap sambutan ini supaya ia menjadi lebih bermakna? Adakah kita berusaha sedaya upaya untuk memahami dan menghayati pengajaran-pengajaran yang terkandung dalam peristiwa hijrah ini?.



Hijrah ialah sebagaimana yang diriwayatkan oleh imam al-Bukhari dalam sebuah hadis daripada Abdullah Bin Amru RAnhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda;

وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى اللَّهُ عَنْهُ

*"Sebenarnya orang yang berhijrah itu ialah orang yang meninggalkan segala larangan Allah".*

Daripada Hadis ini dapat difahami bahawa hijrah ialah meninggalkan segala bentuk perbuatan maksiat dan mungkar yang dilarang oleh Allah SWT. Justeru berubah dari tabiat atau cara hidup yang buruk kepada yang baik dan dari yang baik kepada yang lebih baik adalah hijrah. Begitu juga berubah dari kehidupan yang susah kepada kehidupan yang senang adalah hijrah, berubah dari berpakaian yang tidak sopan kepada berpakaian yang menutup aurat adalah hijrah, berubah daripada akhlak yang tidak baik kepada berakhlak mulia adalah hijrah, berubah daripada kehidupan yang buruk kepada yang lebih baik adalah hijrah, berubah daripada kehidupan yang lalai kepada mendekati diri kepada Allah adalah hijrah. Perubahan seperti ini hanya mampu dilakukan dengan semangat jihad dan niat yang suci serta ikhlas semata-mata kerana Allah SWT.

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Ingatlah wahai jamaah sekalian, Islam menggalakkan ummatnya berusaha untuk mencapai kehidupan yang lebih baik dan maju serta berada dalam lingkungan rahmat dan keredhaan Robbul Jalil. Bahkan Islam tidak menyuruh ummatnya berdiam diri dan berserah kepada takdir Allah SWT semata-mata tanpa berusaha bersungguh-sungguh.



Firman Allah SWT dalam surah ar-Ra'd ayat 11;

... إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا  
بِأَنْفُسِهِمْ ...

*"...Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum itu sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri..."*

Justeru, iman adalah teras atau asas penghijrahan diri, kerana iman merupakan penggerak utama dan pembimbing diri manusia untuk melakukan kebaikan dan mengawal diri daripada melakukan keburukan. Iman adalah keyakinan di hati, ikrar dengan lidah dan dijemakan dengan amalan. Ini bertepatan dengan ayat yang dibacakan pada ayat pembukaan tadi yang bermaksud;

*"(Sesungguhnya) orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (daripada orang-orang yang hanya memberi minum orang-orang Haji dan orang yang memakmurkan Masjid sahaja); dan mereka itulah orang-orang yang berjaya".*

### **Hadirin yang dimuliakan sekalian,**

Kita sebagai orang Islam yang beriman dengan alam akhirat hendaklah sentiasa bersedia untuk memperbanyakkan amalan soleh sama ada yang wajib atau yang sunat sebagai bekalan untuk dibawa ke alam akhirat kerana dengan amalan-amalan soleh sahaja yang akan mengikuti kita dan dapat menyelamatkan kita dari azab Allah SWT apabila roh kita sudah terpisah



daripada jasad. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim daripada Anas bin Malik RAhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

*"Ada tiga perkara yang akan turut menghantar mayat ke perkuburan. Dua daripadanya akan kembali dan satu lagi tetap tinggal bersamanya. Keluarganya, hartanya dan amalannya akan menghantar ke perkuburan. Keluarga dan harta akan kembali, sedangkan amalannya akan tetap setia bersamanya".*

Oleh yang demikian, seseorang yang telah meninggal dunia akan terputuslah peluang untuk menambah pahala amalannya, kecuali mereka yang telah melakukan tiga amalan baik semasa hidupnya seperti berikut:

**Pertama:** Sedekah jariah, iaitu harta yang disumbangkan untuk kepentingan agama, seperti membina masjid, surau, sekolah dan sebagainya, selama mana harta itu dimanfaatkan selama itu lah ia mendapat pahala.

**Kedua:** Ilmu yang dapat memberi manfaat kepada orang lain dan menambahkan ketaqwaan kepada Allah SWT. Selama mana ilmu itu dikembangkan dan diajarkan, selama itulah orang yang mengajarkannya akan mendapat pahala yang berterusan.

**Ketiga:** Anak yang soleh yang mendoakan keampunan bagi kedua ibubapanya. Setiap kali anaknya mendoakannya, maka ibubapanya mendapat rahmat dari Allah SWT.

**Hadirin sekalian,**

Sebagai mengakhiri khutbah kali ini, marilah kita jadikan tahun baru hijrah 1438 ini sebagai titik permulaan kita untuk melakukan perubahan



dalam hidup dan kehidupan kita kearah yang lebih baik. Disamping itu marilah kita menghayati perkara-perkara berikut;

1. Setiap individu muslim perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk berhijrah daripada cara hidup yang tidak baik kepada kehidupan yang lebih baik.
2. Sambutan Maal Hijrah adalah masa yang terbaik untuk kita muhasabah diri dengan mengukur dan menilai sejauh mana kesungguhan kita melakukan perubahan dan penambahbaikan dalam hidup.
3. Umat Islam hendaklah berhijrah dengan berpaksikan jihad dan iman, kerana ia adalah merupakan kunci bagi manusia untuk meraih darjat yang tinggi di Sisi Allah SWT.
4. Umat Islam hendaklah bersungguh-sungguh untuk berubah dalam mentaati perintah Allah dan Rasul serta meninggalkan larangannya kerana itu merupakan hijrah yang dituntut dan Islam sebelum berhijrah ke alam barzakh.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا  
قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari Akhirat). dan (sekali lagi diingatkan);*





bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat meliputi pengetahuannya akan segala yang kamu kerjakan.

(al-Hasyr; 18).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ  
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrim yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى  
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ  
سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ



الحاج ابن المرحوم سلطان صلاح الدين عبد  
العزیز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيَوْلِيَ عَهْدِ  
سَلَاغُور، تَعَكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ  
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فی أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ  
عُمُرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau



redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat khususnya wabak penyakit Zika dan Denggi supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa dilindungi dan diberkati.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS). Dengan amalan ini ya Allah, berkatilah hidup dan luaskanlah rezeki kami dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*  
JAIS/Nurul  
26.09.2016